

10 FEB 2000

Effendi-Pertanian/I

DR MAHATHIR Pengerusi Majlis Perundingan Pertanian

PETALING JAYA, 10 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersedia menjadi pengerusi Majlis Perundingan Awam dan Swasta Mengenai Pertanian, yang akan dibentuk tidak lama lagi, bagi menggalakkan kemajuan sektor pertanian negara.

Menteri Pertanian Datuk Mohamed Effendi Norwawi berkata kesediaan perdana menteri mempengerusikan majlis itu merupakan satu petunjuk yang nyata mengenai pentingnya sektor pertanian bagi negara ini.

"Adalah menjadi wawasan perdana menteri kita untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang paling penting di alaf baru ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan forum mengenai pembersihan Sungai Klang di sini, hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir juga bersetuju untuk mempengerusikan satu sesi dengan ketua-ketua industri negara, pada penghujung April ini, bagi membincangkan peluang melabur dalam sektor pertanian yang menawarkan banyak peluang kepada mereka.

Katanya ramai yang berpendapat bahawa pertanian moden berasaskan ekonomi bioteknologi akan menjadi gelombang aktiviti ekonomi yang berikutnya selepas revolusi pertanian, yang disusuli oleh revolusi perindustrian dan revolusi Teknologi Maklumat pada masa ini.

Effendi berkata Malaysia berjaya dengan sektor perindustrian dan teknologi maklumat dan pertanian harus menjadi kejayaan berikutnya bagi negara.

"...dan satu-satunya cara bagi kita bergerak ke hadapan ialah dengan penglibatan bersama sektor awam dan swasta," katanya.

Menurutnya pada April in, Kementerian Pertanian akan menunjukkan sektor awam dan swasta bahawa pelaburan dalam bidang pertanian adalah sangat menarik, berdaya maju dan memberi pulangan yang tinggi.

Katanya kerajaan juga akan membincangkan tentang insentif, bagaimana menyediakan pakej yang lebih baik dan mengurangkan risiko sebagai menggalakkan pelabur swasta melabur dalam pertanian.

"Seperti yang kita maklum, Malaysia membeli produk makanan bernilai RM12 bilion setiap tahun dan sesetengah sektor seperti perikanan mempunyai potensi untuk berkembang daripada RM4 bilion setahun kepada RM11 bilion setahun yang merupakan jumlah yang besar untuk penglibatan sektor swasta," katanya.

Beliau percaya Malaysia sudah pun mempunyai pengetahuan dalam sains-sains yang diperlukan umpamanya seperti Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), yang mungkin terkenal di dunia dalam bidang penyelidikan dan pembangunan sains buah tropika.

"Pengetahuan mengenai sains (sudah pun) ada pada kita. Kini kita perlu menggunakan pengetahuan itu dalam peringkat komersil... dan ini memerlukan sektor swasta untuk turut serta," katanya.

Effendi berkata sektor swasta tempatan dan asing terutamanya badan-badan korporat multinasional berasaskan pertanian akan dipelawa menyertai pelbagai aktiviti pertanian.

"Ia akan menjadi perladangan moden bagi meningkatkan produktiviti untuk memastikan produk (bekalan makanan) yang mencukupi," katanya.

Menurutnya kepakaran Malaysia dalam pengurusan ladang terutamanya kelapa sawit dan getah adalah di tahap nombor satu dunia dan dengan Universiti Putra Malaysia sedang merangka kursus tertentu bagi pengurus ladang dan kebun, negara akan mempunyai tenaga buruh yang mencukupi dalam

bidang itu.
-- BERNAMA
MNY NAK